

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
SOALAN BUKAN LISAN

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu]

SOALAN :

Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan masalah banjir merupakan masalah tahunan yang sering dihadapi oleh negara. Adakah Kerajaan mempunyai sebarang inisiatif sama ada mempertingkatkan kemudahan bagi mengelak daripada banjir atau penambahbaikan sistem penyelamatan mangsa banjir.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha untuk mengurangkan masalah banjir, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS), telah mengamalkan pengurusan banjir secara holistik dan bersepadu dengan mengguna pakai kedua-dua kaedah struktur dan bukan struktur dalam mengurangkan risiko banjir dan kesan negatif banjir di seluruh negara.

Di antara kaedah struktur yang utama ialah melalui pelaksanaan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) yang dilaksanakan secara berterusan. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) sebanyak 163 projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) telah dilaksanakan di seluruh negara. Antaranya termasuklah projek *Stormwater Management and Road Tunnel* (SMART) bagi mengurangkan masalah banjir di bandaraya Kuala Lumpur. Dalam RMKe-10 (2011-2013) sebanyak 121 projek tebatan banjir telah siap dilaksanakan manakala dalam tahun 2014 sebanyak 25 projek yang terdiri daripada projek-projek sambungan dan baru sedang dilaksanakan. Antara projek-projek utama yang dalam pelaksanaan adalah RTB Lembangan Sungai Kerian, RTB Segamat di Johor dan RTB Perlis. Antara langkah struktur lain yang turut diberi tumpuan ialah kerja-kerja kejuruteraan seperti pembinaan empangan tebatan banjir, kolam takungan, benteng sungai, lencongan sungai, mendalam dan melebarkan sungai, menyediakan sistem pam dan sistem saliran utama.

Langkah bukan struktur pula ialah langkah-langkah pengurusan dan kesedaran awam seperti pengurusan bersepadu untuk sumber air, lembangan sungai, pantai dan banjir, penyediaan dan peningkatan sistem ramalan dan amaran banjir, penyediaan peta banjir dan garis panduan.

Pendekatan dan usaha yang dilaksanakan ini telah berjaya mengurangkan impak akibat bencana banjir.

Bagi penambahbaikan sistem penyelamatan mangsa banjir, koordinasi tindak balas pengurusan bencana pada kebiasaannya telah dilaksanakan lebih awal daripada jangkaan bencana banjir musim tengkujuh pada setiap tahun melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) yang dipengerusikan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Mesyuarat ini diadakan sebagai langkah persediaan awal bagi menyelaraskan persediaan di peringkat agensi dalam menghadapi bencana di setiap peringkat pentadbiran iaitu di peringkat Pusat, Negeri dan Daerah. Kesemua perancangan ini dilaksanakan berpandukan kepada Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) No. 20: Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara (Semakan 2012).

Antara persediaan yang dilaporkan daripada pelbagai agensi semasa mesyuarat tersebut termasuklah mengenai jangkaan episod hujan lebat oleh Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) dan rancangan atur gerak aset dan logistik oleh agensi tindak balas, seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta perancangan bantuan dan sokongan lain oleh

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), telah bersiap sedia untuk diatur gerak di seluruh negara.

Pihak MKN turut mengeluarkan tujuh (7) Peraturan Tetap Operasi (PTO) dalam mengendalikan bencana yang pelbagai seperti Bencana Banjir, Bencana Industri, Bencana Gempa Bumi, Bencana Tsunami dan Bencana Kemarau. Dokumen ini akan diguna pakai oleh semua agensi yang berkaitan dalam memastikan tindak balas bencana lebih selaras, menyeluruh dan berkesan.